

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH
JAYA]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah strategi dan perancangan Kementerian untuk memastikan syarikat-syarikat telekomunikasi merencanakan minat untuk membina menara telekomunikasi di kawasan luar bandar agar capaian internet yang lebih luas dapat berlaku di kawasan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), yang dapat bertujuan untuk menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambilkira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) seperti berikut:

- a. Melalui kaedah penyumbang utama, sebanyak 362 menara baharu akan dibina menjelang penghujung 2022 yang akan

SOALAN NO : 28

meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara. Di samping itu juga, sebanyak 1,661 menara baharu akan dilaksana secara kaedah tender terbuka di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara melalui pelantikan Penyedia Perkhidmatan Sejangat yang Dilantik atau *Designated Universal Service Provision* pada suku keempat tahun 2021 untuk melonjakkan lagi kadar liputan 4G kepada 96.9% di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia, penghujung 2022 nanti.

Secara umumnya, pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

Pihak SKMM akan mempercepatkan sedaya mungkin pembinaan menara namun ianya juga bergantung kepada kelulusan yang dikeluarkan pihak tertentu seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerjasama serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak adalah penting bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan Aspirasi Nasional dapat dicapai.

SOALAN NO : 28

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, Pihak Kerajaan akan turut melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Pelaksanaan PoP bagi Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah manakala bagi Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap menjelang akhir RMK-12 Tahun 2025.